

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 SEPTEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penjawat Awam Perlu Semai Semangat Patriotik – Abu Bakar	Bernamea.com
2.	Penjawat awam perlu semai semangat patriotik	Sinar Harian
3.	Tiga senapang angin buatan sendiri dirampas	Berita Harian
4.	Komunis sangat kejam - Azumi	Utusan Malaysia



Penjawat Awam Perlu Semai Semangat Patriotik - Abu Bakar

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) -- Penjawat awam dan seluruh rakyat harus berganding bahu dalam memelihara dan mempertahankan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara daripada ancaman dalam mahupun luar negara.

Timbalan Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi (Mosti) Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata pekerja sektor awam harus berperanan menyemai nilai-nilai patriotisme dan sayang kepada negara di dalam diri mereka.

"Sehubungan itu, penjawat awam bersama-sama rakyat Malaysia perlu menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan ke-56 dan sambutan Hari Malaysia ke-50," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menyemarakkan bulan Kemerdekaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-56 dan sambutan Hari Malaysia ke-50, di sini Isnin.

Turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Lebih 500 penjawat awam dari Mosti, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyertai majlis tersebut yang dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, bacaan ikrar Rukun Negara dan nyanyian lagu-lagu patriotik.

Sementara itu, Mohamad Zabidi berkata penyertaan penjawat awam dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan itu membuktikan bahawa semangat cintakan negara dan menghargai erti kemerdekaan wujud dalam kalangan penjawat awam dan budaya berkenaan diteruskan, pada masa depan.

Tema Hari Kemerdekaan tahun ini 'Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku' adalah bersifat perpaduan dan berorientasikan kepada patriotik dan kesatuan negara bangsa, katanya.

"Ia juga bertujuan mengingatkan rakyat akan kepentingan bersatu mempertahankan negara dan mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan tanah air," katanya.

-- BERNAMA

Penjawat awam perlu semai semangat patriotik

PUTRAJAYA - Penjawat awam dan seluruh rakyat harus berganding bahu dalam memelihara dan mempertahankan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara daripada ancaman dalam mahupun luar negara.

Timbalan Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi (Mosti), Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pekerja sektor awam harus berperanan menyemai nilai-nilai patriotisme dan sayang kepada negara di dalam diri mereka.

"Sehubungan itu, penjawat awam bersama-sama rakyat Malaysia perlu menyemarakkan sambutan

Bulan Kemerdekaan ke-56 dan sambutan Hari Malaysia ke-50," katanya ketika berucap pada majlis menyemarakkan bulan Kemerdekaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-56 dan sambutan Hari Malaysia ke-50, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Lebih 500 penjawat awam dari Mosti, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyertai majlis itu.

Sementara itu, Mohamad Zabidi berkata, penyertaan penjawat awam dari pelbagai

jabatan dan agensi kerajaan itu membuktikan semangat cinta-negara dan menghargai erti kemerdekaan wujud dalam kalangan penjawat awam dan budaya berkenaan diteruskan, pada masa depan.

Katanya, tema Hari Kemerdekaan tahun ini 'Malysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku' adalah bersifat perpaduan dan berorientasikan kepada patriotik dan kesatuan negara bangsa.

"Ia juga bertujuan mengingatkan rakyat kepentingan bersatu mempertahankan negara dan mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan tanah air," katanya. - Bernama

Tiga senapang angin buatan sendiri dirampas

Kota Bharu: Tiga senapang angin buatan sendiri bersama beberapa biji guli dirampas daripada seorang pemuda di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Bendang Ikan, Kangkong, dekat Pasir Mas, pagi semalam.

Dalam pemeriksaan di bahagian dapur rumah turut ditemui sebotol cecair yang di-

percayai *spirit* dan sebuah motosikal jenis EX5 berwarna putih dengan nombor pendaftaran palsu, manakala nombor casis ada kesan diganggu.

Lelaki berusia 23 tahun itu ditahan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah dari Ibu Pejabat Daerah pada jam 6.45 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Pasir

Mas, Asisten Komisioner Haliludin Rahim, berkata siasatan awal mendapati senjata berkenaan boleh berfungsi menggunakan peluru guli, manakala cecair itu digunakan bagi mencetuskan pembakaran

“
Senjata akan dihantar ke IPK untuk pemeriksaan, manakala cecair yang dipercayai spirit akan dihantar ke Jabatan Kimia”

Haliludin Rahim,
Ketua Polis Daerah
Pasir Mas

mengerakkan guli.

Diperiksa Unit Forensik

“Senjata akan dihantar ke IPK (Ibu Pejabat Polis Kontinjen) untuk pemeriksaan, manakala satu botol cecair yang dipercayai *spirit* akan dihantar ke Jabatan Kimia.

“Kita juga telah memohon bantuan daripada Unit Forensik bagi membuat pemeriksaan lanjut terhadap enjin yang terdapat kesan diganggu,” katanya, di sini, semalam.

Katanya, suspek akan direman dan soal siasat dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan senjata itu, termasuk dari mana ia diperolehi.

Kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 8, Akta Senjata 1960 dan Seksyen 29(1) Akta Kesalahan Kecil.

KERATAN AKHBAR
 UTUSAN MALAYSIA : MUKA SURAT 07
 TARIKH: 10 SEPTEMBER 2013 (SELASA)

Isu keselamatan negara selepas merdeka lebih mencabar

Komunis sangat kejam - Azumi

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

MENDENGAR cerita bekas Panglima Tentera Darat, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed yang diberi gelaran *A Soldier's General* cukup mengujakan. Tepat sekali kata beliau, pengorbanan anggota tentera dan keluarga mereka dalam mempertahankan kedaulatan negara sangat bernilai melebihi segala-galanya.

Beliau cukup terharu dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di facebooknya pada 1 September lalu bahawa pengorbanan mereka tidak akan dipisahkan.

Sepanjang 37 tahun berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), banyak perkara dilalui oleh beliau termasuk meninggalkan keluarga pada pagi 1 Syawal untuk melakukan operasi adalah satu perkara lumrah.

"Ketika ditukar ke Mentakab sebagai Ketua Kompeni, setibanya saya bersama-sama isteri dan anak, belum sempat berkemas saya diarah berarak ke kawasan operasi. Tetapi isteri saya dan anak yang masih kecil sekitar tiga tahun pada waktu itu tidak sedikit pun mengeluh, sebaliknya menerima berita itu dengan redha.

"Saya masih ingat pada suatu peristiwa di mana selesai sahaja memberi salam solat Aidilfitri, saya dan anggota pasukan diarahkan bergerak ke sempadan Malaysia-Thailand ekoran kejadian di Jambatan Keretapi Koh Mah Perlis. Begitu juga dengan tugas kami di Malaysia Timur

pada waktu itu sehingga terpisah daripada keluarga sehingga sembilan bulan," cerita beliau.

Pengerasi CyberSecurity Malaysia ini menyerta ATM pada tahun 1967 ketika berumur 18 tahun. Pada waktu itu, negara sedang menghadapi ancaman semua dari penganas komunis. Beliau yakin dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada negara dengan menceburi bidang ketenteraan berbanding mengenggam ijazah perundangan dari Universiti Teknologi Mara (ketika itu Institut Teknologi Mara - ITM).

Mohd. Azumi mengikuti latihan sebagai Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja sebelum meneruskan latihan di Sekolah Pegawai Kadet Portsea Australia. Latihan seumpama ini telah menyuntik semangat patriotisme dalam dirinya, apatah lagi beliau dilahirkan dan dibesarkan di sebuah pekan kecil, Batu Gajah, Perak dan melalui zaman darurat pertama di Tanah Melayu.

Beliau juga pernah menjalani Latihan Lanjutan Ketenteraan di Fort Benning, Georgia, Amerika Syarikat pada tahun 1978 diikuti Joint Services Staff College Australia pada tahun 1989 dan berkelulusan Sarjana Sains dalam bidang *National Resource and Strategy* dari Dwight D. Eisenhower School of National Security and Resource Strategy NDU Washington DC.

"Saya dilahirkan pada tahun 1948. Pada usia lima tahun, saya dapat merasakan bagaimana susahnya

kehidupan ketika itu. Banyak sekatan dilakukan ke atas pergerakan penduduk-penduduk dan salah satunya betul-betul berada di depan rumah datuk saya. Pihak *Home Guard* dan *Special Constable* (SC) sentiasa membuat sekatan dan memeriksa mana-mana penduduk yang keluar masuk tidak mengira bangsa dan warna kulit.

"Arwah datuk saudara saya juga pernah membawa saya ke Kampung Bemban dan Pekan Pusing, Perak. Di sinilah menempatkan Kampung Baharu (*New Village*) yang diperkenalkan oleh pihak British. Pergerakan penduduk amat terbatas dengan kawasan dibina secara berpusat dan berpagar," katanya.

Akunya, setelah memasuki pasukan ATM, barulah beliau memahami tindak tanduk yang dilaksanakan British itu adalah salah satu strategi untuk memutuskan hubungan penduduk-penduduk dengan penganas komunis supaya keselamatan mereka lebih terjamin dan dapat melaksanakan pembangunan negara dengan lebih terancang.

Dalam catatan sejarah, ancaman komunis terhadap kedaulatan negara adalah satu titik hitam. Kesannya begitu dirasai oleh semua masyarakat di negara ini lebih-lebih lagi kepada mereka yang kehilangan anggota keluarga dan yang terkorban ketika mempertahankan negara.

Menurut beliau, keganasan semula oleh pihak komunis tercetus apabila mereka melakukan serang hendap ke



MOHD. AZUMI MOHAMED



atas satu konvoi Pasukan Keselamatan di Jalan Keroh-Baling, Kedah pada tahun 1969.

"Saya masih ingat betapa kejamnya penganas komunis membunuh beberapa orang penduduk di Kampung Baharu (*New Village*) Sintok. Bukan itu sahaja, penganas komunis mengugut untuk membunuh yang lain sekiranya bekerjasama dan membantu pasukan keselamatan," ujarnya.

Sebagai Ketua Platun ketika itu, pengalaman yang ditempuhi sepanjang menjalankan operasi mencari dan menjejak penganas komunis amat mengejutkan dirinya. Beliau dapati penganas komunis bukan sahaja bertindak kejam terhadap penduduk setempat tetapi juga terhadap Pasukan Keselamatan.

"Kami pernah mengurangkan jenazah seorang anggota tentera yang terkorban semasa bertempur di hutan. Perasaan sedih hanya Allah SWT sahaja yang tahu. Tetapi lebih memalukan adalah apabila penganas komunis sanggup meletakkan jerangkap samar di dalam perut anggota yang terkorban itu dengan harapan apabila kami mengangkat jenazahnya, jerangkap samar itu akan meledak dan membunuh atau mencederakan kami yang lain.

"Namun tindakan pantas oleh seorang kapten daripada pasukan saya yang sanggup mengambil risiko dengan memotong wayar yang masih aktif sekali gus menyelamatkan semua yang hadir ketika itu. Penganas komunis ini amat kejam dan saya tidak ada perkataan yang dapat menggambarkan betapa kejamnya mereka ini," tegasnya.

Sepanjang operasi tersebut juga, beliau pernah kehilangan rakan baik apabila helikopter yang dinaikinya ditembak oleh penganas komunis. Seorang anggota pasukannya juga hilang sebelah kaki akibat letupan jerangkap samar semasa membuat pengeledahan ekoran daripada insiden pihak komunis menganggu kedudukannya semasa menjalani

operasi di Lebuh Raya Timur Barat. Beliau berkata, kejadian-kejadian sebegini sebenarnya menimbulkan semangat juang yang tinggi bagi anggota tentera untuk memerangi penganas komunis sehingga ke akar umbi.

Sehubungan itu, Mohd. Azumi menyifatkan soal keamanan dan kedaulatan negara sebenarnya tiada sebarang tolak ansur dan ia bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang mudah.

"Walaupun kini Malaysia merupakan sebuah negara yang aman, progresif dan penduduknya hidup sejahtera dalam suasana harmoni dan berbilang kaum tetapi kita tidak boleh menolok sebarang ancaman yang mungkin berlaku. Banyak pihak yang tidak berpuas hati akan cuba melakukan perkara itu sewajarnya atas agenda peribadi.

"Ini dapat kita lihat atas apa yang berlaku pada tragedi pencerobohan Lahad Datu, yang mana kita semua tidak menyangka boleh berlaku dalam suasana negara yang sudah maju dan aman," katanya.

Mohd. Azumi yang pernah ditugaskan sebagai Panglima Divisyen Pertama yang bertanggungjawab kepada keselamatan di Sabah dan Sarawak selama lima tahun mendedapati ancaman terhadap Malaysia turut berpunca daripada pelbagai sudut. Ini termasuk isu penyeludupan, tuntutan bertindih di Laut China Selatan, lanun dan pencerobohan di perbatasan, merupakan tugas mencabar kerana ia bukan sahaja melibatkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara malah daripada segi hubungan ketenteraan.

Sepanjang memegang jawatan itu katanya, banyak masa ditumpukan untuk keselamatan di perairan pantai timur Sabah dan menjalin kerjasama yang baik antara Malaysia dan Indonesia melibatkan isu-isu persemipadanan. Beliau juga diberi tanggungjawab melaksanakan 'Op Pasir' untuk mencegah kegiatan lanun dan

penyelidikan di perairan Pantai Timur Sabah. Operasi ini masih dilaksanakan sehingga hari ini.

"Misalnya, ada tuduhan dan laporan media yang menyebut bahawa kita telah mengubah batu sempadan sejauh 500 meter hingga menimbulkan perasaan kurang senang bagi pihak Indonesia. Tetapi kita berjaya menangani isu ini dengan baik. Saya dan rakan sejawatan dari Tentera Nasional Indonesia (TNI) bersamasama dengan pasukan juru ukur kedua-dua negara telah turun padang untuk meninjau sendiri keadaan sebenar. Kami dapati tuduhan dan laporan media tersebut adalah tidak benar.

Beliau menyifatkan isu tuduh-menduduh antara kedua-dua negara ini jika tidak ditangani dengan baik akan memburukkan lagi keadaan.

"Alhamdulillah, berkat kerjasama erat di antara kedua-dua negara melalui mekanisme Kerjasama Persempadanan, ia dapat menyelesaikan banyak isu persempadanan. Sebagai contoh, kini kita dapat melihat rondaan dan penempatan bersama antara ATM dan TNI di Pos Gabungan Simanggarras dan Biawak, selain daripada Latihan-latihan Tentera Bersama," jelas beliau.

Sehubungan itu, beliau yang pernah berkhidmat di bawah Panti-panti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ekoran tercetusnya Perang Teluk pertama antara Iraq dan Kuwait berkata, peperangan bukanlah satu pilihan untuk mencapai isu penyelesaian, sebaliknya ia boleh diselesaikan melalui diplomasi.

"Jadikan apa yang berlaku di Syria dan Mesir sebagai satu iktibar untuk kita semua. Saya yakin selain strategi ketenteraan yang berkesan, masyarakat yang bersatu padu juga menjadi tunjang kejayaan kita mempertahankan kedaulatan, kemakmuran dan keselamatan negara sehingga ke hari ini dan seterusnya. Ingatlah 'Negaraku', Tanah Tumpahnya Darahku," ujar beliau yang juga ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pengaman Sedunia Perdana.



MOHD. Azumi Mohamed (depan) diberi penerangan mengenai 'Ops Pasir' di perairan pantai timur, Sabah ketika bertugas sebagai Panglima Divisyen Pertama.